

Bahasa kebangsaan 'masih goyang'

Bangi: Tiada negara di dunia ini yang perlu mengadakan sesi wacana dan perbincangan untuk mengangkat, serta memartabatkan bahasa kebangsaan sendiri kerana perkara itu sudah termaktub dalam Perlembagaan negara sejak merdeka.

Pensyarah Institut Penyelidikan Produk & Ketamadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Prof Dr Mohd Ridhuan Tee Abdullah, berkata sebaliknya bahasa Melayu yang terkandung dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan masih lagi goyang dan mencari penyelesaiannya.

"Kita sememangnya sudah mempunyai dasar tetapi pelaksanaannya sangat mendukacitakan. Lihat sahaja nama bangunan dan tempat yang menggunakan bahasa selain bahasa kebangsaan.

"Ia menunjukkan kegagalan kita untuk mendaulatkan bahasa kebangsaan bermula daripada perkara yang asas," katanya pada Bicara Persada ke-47: Pasca PRU-14 Benarkah Pemartabatan Bahasa Kebangsaan Masih Belum Terungkai di Universiti Kebangsaan Malaysia, semalam.

Wacana itu turut menampilkan Mohd Ridhuan Tee Abdullah dan Ketua Satu Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA), Datuk Zainal Abidin Borhan, manakala Nazri Kahar bertindak sebagai moderator.

Tiada ketegasan

Mohd Ridhuan berkata, perkara yang dibangkitkan mengenai Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) yang turut terkandung dalam manifesto Pakatan Harapan (PH) juga menunjukkan sikap

tiada ketegasan dalam memperjuangkan isu bahasa ini.

"Ia perkara yang dibincangkan dalam Manifesto PH untuk mengiktiraf UEC, walaupun dalam Manifesto Barisan Nasional (BN) juga ada menyebutnya tetapi dengan bersyarat.

"Jadi apabila sudah berjanji, maka ia perlu ditunaikan dan saya merasakan ia akan dilaksanakan sama ada cepat atau lambat.

"Ia ditambah lagi dengan tekanan yang diberikan oleh persatuan berkaitan bangsa Cina supaya pengiktirafan UEC ini tetap dilakukan," katanya.

Ridhuan Tee berkata, sekiranya UEC diiktiraf oleh kerajaan PH, ia dibimbangi akan mewujudkan jurang kaum yang semakin tinggi dan bahasa Melayu akan terus dipinggirkan oleh bukan Melayu.

"Lihat bagaimana negara ji-

ran kita, Thailand dan Indonesia dalam membina negara bangsa melalui bahasa.

Contohi Thailand, Indonesia

"Mereka hanya bertutur dalam bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Thailand dan Bahasa Indonesia, sekali gus ia dilihat berjaya menyatukan rakyat mereka," katanya.

Ridhuan Tee turut mengimbas kembali zaman 1970-an dan 1980-an apabila ramai penyanyi bukan Melayu memmeriahkan industri seni dengan menyanyikan lagu dalam bahasa kebangsaan.

Katanya, tanpa penghayatan dan penjiwaan terhadap bahasa Melayu tidak mungkin mereka berjaya menyanyi serta mengadakan persembahan dengan baik kerana bahasa seni bersifat tinggi.